

KISAH NABI MUSA DALAM SURAH AL-KAHFI – MEMBENTUK CIRI-CIRI PENUNTUT ILMU CEMERLANG

Prof Madya Dr. Mohd Fauzi Mohd Amin

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM,
Bandar Baru Nilai Negeri Sembilan.

fauziamin@usim.edu.my

Dr. Abdulloh Salaeh

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM,
Bandar Baru Nilai Negeri Sembilan.

abdulloh@usim.edu.my

ABSTRAK

Al-Quran adalah kitab yang diturunkan Allah yang memberi petunjuk dan hidayah kepada manusia. Dalamnya terdapat berbagai kisah dan teladan yang boleh memberi pengajaran dalam semua bidang kehidupan. Al-Quran memaparkan kisah dan cerita para nabi serta kehidupan mereka. Di sebalik kisah-kisah tersebut tersimpan pengajaran berharga dan banyak rahsia. Kisah Nabi Musa dan Lalaki Salih (nabi Khidhir) dalam surah al-Kahfi dapat dicungkil pengajarannya bagi memperkasakan modal insan. Kisah nabi Musa dan lelaki yang salih bersamanya berkisar mengenai azam yang kuat beliau untuk keluar menuntut ilmu pengetahuan melalui guru yang berwibawa, beliau sanggup menempuh segala rintangan dan cabaran yang mencabar. Kisah ini menunjukkan ciri-ciri penting yang perlu wujud dalam menuntut ilmu pengetahuan. Ciri-ciri penting yang perlu ada telah dijelas dalam kisah ini pertamanya keluar daripada tempat asal bertujuan mencari ilmu dan pengalaman, kedua menanam keazaman dan kemahuan yang tinggi, ketiga mempunyai sifat 'ubudiah, keempat mempunyai sifat tawadhu' dan kelima hendaklah mempunyai sifat sabar. Kelima-lima ciri yang diajarkan melalui kisah nabi Musa dan nabi Khidir ini sangat penting bagi para penuntut ilmu pada setiap masa dan tempat.

PENDAHULUAN

Keseluruhan kisah nabi Musa A.S dalam al-Quran telah digambarkan oleh Allah dalam surah al-Kahfi bermula daripada ayat 60 hingga 82, ia merupakan diantara beberapa kisah yang diceritakan oleh Allah di dalam surah ini. Surah ini adalah Makkiyah kecuali ayat 28 dan ayat 83 hingga ayat 101 adalah Madaniyyah. Keseluruhannya 110 ayat.²⁵²

Hakikat berkaitan dengan kisah nabi Musa dalam surah ini beliau adalah Musa bin Imran nabi bagi Bani Israil yang mempunyai mukjizat-mukjizat yang nyata dan syariat yang terang²⁵³. Secara umumnya tidak ditentukan di mana sebenarnya berlaku peristiwa ini, kecuali hanya dengan menyebut "tempat pertembungan dua laut". Begitu juga tidak ditentukan bila tarikh berlaku dalam tempoh kehidupan nabi Musa AS. Semua ini telah diperselisihkan ulamak dalam menentukannya. Adakah ia berlaku ketika beliau masih berada di Mesir sebelum beliau membawa Bani Israel keluar

²⁵²Sayyid Qutb. Fi Zilali al-Quran. Juz 4. Hlmn 2276.

²⁵³ Sayyid Qutb. Fi Zilali al-Quran. Juz 4. Hlmn 2278.

daripadanya atau selepasnya. Berdasarkan dalil Al-Quran Nabi Khidir (boleh baca al-Khadir atau al-Khidir atau al-Khidr beliau adalah nama jolokan guru nabi Musa yang bernama Balya Ibn Malkan)²⁵⁴, wujud semasa zaman Nabi Musa.

Begitu juga Quran tidak menyebutkan secara perinci apa-apa mengenai hamba yang saleh yang ditemui oleh nabi Musa, siapakah dia? Apakah namanya? Adakah dia seorang nabi atau rasul? Atau seorang a'lim atau wali?²⁵⁵. Begitu juga dengan lelaki yang menemaninya tidak dinyatakan siapa sebenarnya?. Berkaitan dengan persoalan ini terdapat beberapa riwayat yang boleh menjelaskan perkara tersebut.

عن سعيد بن جبیر قال قلت لابن عباس. إن نوحا البکالی یزعم أن موسى ليس بموسى بنی إسرائيل إنما هو موسى آخر فقال کذب عدو الله حدثنا أبي بن کعب عن النبي صلى الله عليه وسلم قام موسى النبي خطيبا في بنی إسرائيل فسئل أي الناس أعلم فقال أنا أعلم فعتب الله عليه إذ لم يرد العلم إليه فأوحى الله إليه أن عبدا من عبادي بمجمع البحرين هو أعلم منك قال يا رب وكيف به فقيل له احمل حوتا في مكمل فإذا فقدته فهو ثم فانطلق وانطلق بفتاه يوشع بن نون وحمل حوتا في مكمل حتى كانا عند الصخرة وضعا رءوسهما وناما فانسل الحوت من المكمل، (فاتخذ سبيله في البحر سربا) وكان لموسى وفتاه عجبا فانطلقا بقية ليلتهما ويومهما فلما أصبح قال موسى لفتاه، (آتنا غداءنا لقد لقينا من سفرنا هذا نصبا) ولم يجد موسى مسا من النصب حتى جاوز المكان الذي أمر به فقال له فتاه (أرأيت إذ أؤينا إلى الصخرة فإني نسيت الحوت وما أنسانيه إلا الشيطان) قال موسى (ذلك ما كنا نبغي فارتدا على آثارهما قصصا)

فلما انتهيا إلى الصخرة إذا رجل مسجى بثوب أو قال تسجى بثوبه فسلم موسى فقال الخضر وأنى بأرضك السلام فقال أنا موسى فقال موسى بنی إسرائيل قال نعم قال (هل أتبعك على أن تعلمني مما علمت رشدا) قال (إنك لن تستطيع معي صبرا) يا موسى إني على علم من علم الله علمنيه لا تعلمه أنت وأنت على علم علمكه لا أعلمه (قال ستجدني إن شاء الله صابرا ولا أعصي لك أمرا) فانطلقا يمشيان على ساحل البحر ليس لهما سفينة فمرت بهما سفينة فكلموهم أن يحملوها فعرف الخضر فحملوها بغير نول فجاء عصفور فوق على حرف السفينة فنقر نقرة أو نقرتين في البحر فقال الخضر يا موسى ما نقص علمي وعلمك من علم الله إلا كنقرة هذا العصفور في البحر فعمد الخضر إلى لوح من ألواح السفينة فنزعه فقال موسى قوم حملونا بغير نول عمدت إلى سفينتهم فخرقتها لتغرق أهلها

(قال ألم أقل إنك لن تستطيع معي صبرا قال لا تؤاخذني بما نسيت ولا ترهقني من أمري عسرا) فكانت الأولى من موسى نسيانا فانطلقا فإذا غلام يلعب مع الغلمان فأخذ الخضر برأسه من أعلاه فاقتلع رأسه بيده فقال موسى (أقتلت نفسا زكية بغير نفس) (قال ألم أقل لك إنك لن تستطيع معي صبرا) قال ابن عيينة وهذا أوكد (فانطلقا حتى إذا أتيا أهل قرية استطعما أهلها

²⁵⁴ Ibn Kathir. Tafsir al-Quran al-'Azim. Tanpa Tarikh. Al-Qahirah. Darul Syaab. Juz 5. Hlmn 172.

²⁵⁵ Tirmizi. Sunan al-Tirmizi. 1998. Bairut. Darul Ghrab al-Islami. Kitab Tafsir. Tafsir Surah al-Kahfi. Juz 5. Hlmn 164.

فأبوا أن يضيفوها فوجدا فيها جدارا يريد أن ينقض فأقامه) قال الخضر بيده فأقامه فقال له موسى (لو شئت لاتخذت عليه أجرا قال هذا فراق بيني وبينك) قال النبي صلى الله عليه وسلم يرحم الله موسى لوددنا لو صبر حتى يقص علينا من أمرهما.²⁵⁶

Dalam riwayat al-Bukhari daripada Ibn Abbas yang menerangkan kisah nabi Musa AS dalam cerita ini, pada suatu ketika Nabi Musa berdakwah kepada kaumnya tentang ajaran Allah. Seperti dalam hadith yang sanadnya daripada Al-Humaidi daripada Ibn Abbas: Nauf Al-Bakaliy berkata bahawa Musa teman Khidhir itu bukannya Musa nabi Bani Israel, tetapi Musa yang lain, lalu Ibn Abbas pun berkata: Musuh Allah itu telah berdusta: Kami telah diceritakan Ubai Ibn Kaab bahawa dia telah mendengar Rasulullah bersabda "Musa telah bangkit berucap di hadapan Bani Israel lalu beliau ditanya siapakah orang yang paling alim? Jawab beliau: Sayalah yang paling berilmu. Lalu Allah menegur beliau kerana tidak mengembalikan sifat kealiman itu kepada Allah dan mewahyukan kepadanya bahawa Aku mempunyai seorang hamba ditempat pertembungan dua laut beliau lebih alim daripada engkau. Musa bertanya kepadaNya bagaimana saya dapat bertemu dengannya? Jawab Allah: Bawalah bersama engkau seekor ikan dan isikannya di dalam sebuah bakul, di tempat mana ikan itu hilang di situlah tempat dia tinggal, maka Musa pergi bersama pelayannya Yusyak bin Nun dan membawa seekor ikan di dalam sebuah bakul hingga mereka bertemu dengan sebuah batu karang, tempat mereka membaringkan badan dan tidur. Ikan itu keluar dari bakul dan berenang terus menuju ke laut. Kejadian ini mengherankan nabi Musa dan pelayannya. Semalaman dan pada hari berikutnya mereka mengikuti ikan itu. Hari berikutnya Musa berkata kepada pelayannya "bawakan makanan kita". Kita kelaparan dan sangat letih dengan perjalanan ini. Rasa letih Musa lenyap ketika beliau sampai di sebuah tempat seperti yang telah Allah sampaikan kepadanya. Kemudian pelayannya berkata kepada Musa "apakah tuan ingat ketika kita pergi menuju batu karang itu. Aku telah melupakan ikan itu. Musa berkata "itulah yang sedang kita cari. Kemudian mereka kembali dengan mengikuti jejak mereka sebelumnya, hingga mereka mencapai batu karang itu. Di sana mereka melihat seorang lelaki yang tubuhnya diselimuti dengan pakaiannya. Nabi Musa mengucap salam kepadanya. Khidhir menjawab salamnya seraya berkata, "bagaimana orang-orang saling menyampaikan salam di tempat kamu? Musa berkata akulah Musa dari Bani Israel. Kemudian ia menambahkan "bolehkah aku mengikuti kamu sehingga kamu dapat mengajariku ilmu yang kamu miliki. "Khidhir menjawab sungguh! Kamu tidak akan dapat bersabar mengikuti aku, Musa!. Aku memiliki beberapa ilmu yang diajarkannya kepada aku dan yang tidak pernah kamu ketahui, sedangkan kamu pun telah diberi ilmu olehNya yang tidak aku ketahui. Musa menjawab, jika Allah berkehendak kamu akan melihat bahawa aku boleh bersabar dan aku akan mematuhi perintah kamu. Maka mereka berdua pun berjalan menyusuri pantai kerana belum bertemu dengan perahu untuk ditumpangi, pada waktu itu muncul sebuah perahu dan mereka meminta izin (awak perahu) agar boleh menumpang. Awak perahu mengenali Khidhir dan mengizinkan mereka berdua menumpang tanpa bayaran. Seekor burung layang-layang terbang dan hinggap di atas pinggir perahu dan memasukkan paruhnya satu atau dua kali ke dalam air. Khidhir berkata 'Ya Musa ! ilmu aku dan ilmu kamu seperti setitis air yang dihirup oleh burung layang-layang itu dan tidak akan mengurangi ilmu Allah yang maha luas'. Kemudian setelah mendarat Khidhir mengopak sebatang papan yang menjadi sebahagian penting perahu itu lalu membuangnya. Musa berkata "Orang-orang ini telah baik hati dengan memberi tumpangan tetapi kamu merosakkan kapal mereka yang boleh menenggelamkan mereka" Khidhir menjawab "bukankah aku telah katakan kamu tidak mungkin boleh bersabar?. Musa menjawab "maafkan aku sebab aku terlupa. Khidhir memaafkan Musa. Mereka meneruskan perjalanan dan bertemu dengan

²⁵⁶ Muhammad Idris Marbawi. 1941. *Bahr Mazi*. Bab Kelebihan Surah Al-Kahfi. Maktabah al-Halbi. Juz20. Hlm. 140.

kanak-kanak yang sedang bermain-main sesama mereka. Khidhir pun membunuh seorang kanak-kanak di situ. Musa berkata "haruskah kamu membunuh seorang anak yang tidak berdosa? Khidhir menjawab "bukankah aku telah katakan kamu tidak mampu bersabar?. Seterusnya mereka berdua meneruskan perjalanan sehingga mereka bertemu dengan penduduk sebuah kota, Musa dan Khidhir meminta makanan kepada penduduk kota itu tetapi mereka menolak memberikan makanan. Kemudian mereka bertemu dengan sebuah rumah yang telah rosak. Khidhir memperbaiki rumah itu dengan tangannya sendiri. Musa berkata "seandainya kamu mahu kamu boleh meminta upah daripada pekerjaan kamu itu. (Mendengar perkataan Musa) Khidhir berkata "itulah perpisahan antara kamu dan aku".

Lalu Nabi Muhammad SAW meneruskan ceritanya "semoga Allah melimpahkan kasih sayangNya kepada Musa! Seandainya ia lebih dapat bersabar tentulah kita akan memperoleh lebih banyak pelajaran dari kisah itu".

Menurut satu riwayat daripada Qatadah telah berkata: Tempat pertemuan dua lautan itu ialah Laut Parsi di sebelah timur dan Laut Rum di sebelah barat. Menurut kata Muhammad Ibn Ka'ab Al-Qurazi: ialah tempat pertemuan dua lautan iaitu di Tanjab terletak di hujung negara Maghribi²⁵⁷.

Tetapi menurut pendapat yang lebih rajih maksud tempat pertemuan dua lautan itu ialah Laut Rum dan Laut Qulzum iaitu Laut Mediteranian dan Laut Merah. Tempat pertemuan dua laut ini ialah di kawasan tasik-tasik al-Murrah dan tasik Timsah (buaya). Dikatakan tempat itu ialah dipertemuan Teluk Suez dengan Teluk Akabah dilautan Merah. Ini kerana disitulah lokasi peredaran sejarah kehidupan Bani Israel yang dipanggil Daratan Sinai setelah mereka keluar dari bumi Mesir²⁵⁸.

Bersama rasa kesedaran dan insaf dengan teguran Allah itu, disertai seorang pengikutnya bernama Yusak Ibn Nun Ibn Afrathim Ibn Yusof yang menjadi pembantu nabi Musa dan belajar dengannya²⁵⁹. Nabi Musa bermusafir mencari lelaki soleh tersebut hingga menemuinya di satu tempat bertemunya dua lautan, kisah ini diceritakan oleh Allah dalam Surah al-Khafi daripada ayat 60 hingga ayat 82²⁶⁰.

Dari keterangan kisah ini dapat difahami bahawa nabi Musa AS mempunyai satu tujuan besar disebalik perjalanan itu, keazaman beliau untuk sampai ke tempat pertemuan dua lautan, walau pun dengan menempuh kepayahan dan waktu yang lama, untuk menemui dengan seorang lelaki yang saleh dan seorang hamba Allah yang baik, tercerna dalam dirinya sifat-sifat 'ubudiah yang tulus dan juga mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi yang dianugerahkan oleh Allah kepadanya, yang diajarkan dengan ilmu *laduni*, walau bagaimana sukar dan penuh rintangan sekalipun, walau selama mana masa yang harus dihabiskan oleh nabi Musa²⁶¹. Ini dapat dilihat keazaman beliau seperti yang dicerita dalam ayat 60 - 82 berikut yang bermaksud:-

²⁵⁷ Abu Bakar Baihaqi. 1344 H. *Sunan Kubra*. Wizarah Awqaf Masriyah. Juz 3. Hlm. 249.

²⁵⁸ Tirmizi. Bairut. *Sunan Tirmizi*. Bab Fadhl Talabil l'Imi. Dar Ihya' al-Turath. Juz 5, Hlmn. 29.

²⁵⁹ Sulaiman Nordin. 2000. *Tamadun Islam Dan Kenegaraan Malaysia B. PJJ*. UKM Bangi, Malaysia.

²⁶⁰ Al-Ghazali, Hamid Mohd Bin Mohd al-Ghazali. T. Tarikh. *Ihya' Ulumuddin*. Dar al-Qalam. Bairut.

²⁶¹ Muslim. Sahih Muslim. Bab Fi al-Amri Bil Quwwah Wa Taraka al-A'jzi. Dar Ihya' al-Turath al-A'rabi. Juz 4. Hlmn 2052.

Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Nabi Musa berkata kepada temannya: Aku tidak akan berhenti berjalan sehingga aku sampai di tempat pertemuan dua laut itu atau aku berjalan terus bertahun-tahun. (60) Maka apabila mereka berdua sampai ke tempat pertemuan dua laut itu, lupalah mereka akan hal ikan mereka, lalu ikan itu menggelongsor menempuh jalannya di laut, yang merupakan lorong di bawah tanah. (61) Setelah mereka melampaui (tempat itu), berkatalah Nabi Musa kepada temannya: Bawalah makan tengah hari kita sebenarnya kita telah mengalami penat lelah dalam perjalanan kita ini. (62) Temannya berkata: Tahukah apa yang telah terjadi ketika kita berehat di batu besar itu? Sebenarnya aku lupakan hal ikan itu dan tiadalah yang menyebabkan aku lupa daripada menyebutkan halnya kepadamu melainkan Syaitan dan ikan itu telah menggelongsor menempuh jalannya di laut, dengan cara yang menakjubkan. (63) Nabi Musa berkata: Itulah yang kita kehendaki; merekapun balik semula ke situ, dengan menurut jejak mereka. (64) Lalu mereka dapati seorang dari hamba-hamba Kami yang telah kami kurniakan kepadanya rahmat dari Kami dan Kami telah mengajarnya sejenis ilmu; dari sisi Kami. (65) Nabi Musa berkata kepadanya: Bolehkah aku mengikutmu, dengan syarat engkau mengajarku dari apa yang telah diajarkan oleh Allah kepadamu, ilmu yang menjadi petunjuk bagiku? (66) Dia menjawab: Sesungguhnya engkau (wahai Musa), tidak sekali-kali akan dapat bersabar bersamaku. (67) Dan bagaimana engkau akan sabar terhadap perkara yang engkau tidak mengetahuinya secara meliputi? (68) Nabi Musa berkata: Engkau akan dapati aku, Insya Allah: Orang yang sabar; dan aku tidak akan membantah sebarang perintahmu. (69) Dia menjawab: Sekiranya engkau mengikutku, maka janganlah engkau bertanya kepadaku akan sesuatupun sehingga aku ceritakan halnya kepadamu. (70) Lalu berjalanlah keduanya sehingga apabila mereka naik ke sebuah perahu, dia membocorkannya. Nabi Musa berkata: Patutkah engkau membocorkannya sedang akibat perbuatan itu menenggelamkan penumpang-penumpangannya? Sesungguhnya engkau telah melakukan satu perkara yang besar. (71) Dia menjawab: Bukankah aku telah katakan, bahawa engkau tidak sekali-kali akan dapat bersabar bersamaku? (72) Nabi Musa berkata: Janganlah engkau marah akan daku disebabkan aku lupa (akan syaratmu) dan janganlah engkau memberati daku dengan sebarang kesukaran dalam urusanku (menuntut ilmu). (73) Kemudian keduanya berjalan lagi sehingga apabila mereka bertemu dengan seorang pemuda lalu dia membunuhnya. Nabi Musa berkata Patutkah engkau membunuh satu jiwa yang bersih, yang tidak berdosa membunuh orang? Sesungguhnya engkau telah melakukan satu perbuatan yang mungkar! (74) Dia menjawab: Bukankah, aku telah katakan kepadamu, bahawa engkau tidak sekali-kali akan dapat bersabar bersamaku? (75) Nabi Musa berkata: Jika aku bertanya kepadamu tentang sebarang perkara sesudah ini, maka janganlah engkau jadikan daku sahabatmu lagi; sesungguhnya engkau telah cukup mendapat alasan-alasan berbuat demikian disebabkan pertanyaan-pertanyaan dan bantahanku. (76) Kemudian keduanya berjalan lagi, sehingga apabila mereka sampai kepada penduduk sebuah bandar, mereka meminta makan kepada orang-orang di situ, lalu orang-orang itu enggan menjamu mereka. Kemudian mereka dapati di situ sebuah tembok yang hendak runtuh, lalu dia membinanya. Nabi Musa berkata: Jika engkau mahu, tentulah engkau berhak mengambil upah mengenainya! (77) Dia menjawab: Inilah masanya perpisahan antaraku denganmu, aku akan terangkan kepadamu maksud (kejadian-kejadian yang dimusykilkan) yang engkau tidak dapat bersabar mengenainya. (78) Adapun perahu itu adalah ia dipunyai oleh orang-orang miskin yang bekerja di laut; oleh itu, aku bocorkan dengan tujuan hendak mencacatkannya, kerana di belakang mereka nanti ada seorang raja yang merampas tiap-tiap sebuah perahu yang tidak cacat. (79) Adapun pemuda itu, kedua ibu bapanya adalah orang-orang yang beriman, maka kami bimbang bahawa dia akan mendesak mereka melakukan perbuatan yang zalim dan kufur. (80) Oleh itu, kami ingin dan berharap, supaya Tuhan mereka gantikan bagi mereka anak yang lebih baik daripadanya tentang kebersihan jiwa dan lebih mesra kasih sayangnya. (81) Adapun tembok itu pula, adalah ia dipunyai oleh dua orang anak yatim di bandar itu dan di

bawahnya ada harta terpendam kepunyaan mereka dan bapa mereka pula adalah orang yang soleh. Maka Tuhanmu menghendaki supaya mereka cukup umur dan dapat mengeluarkan harta mereka yang terpendam itu, sebagai satu rahmat dari Tuhanmu (kepada mereka) dan (ingatlah) aku tidak melakukannya menurut fikiranku sendiri. Demikianlah penjelasan tentang maksud dan tujuan perkara-perkara yang engkau tidak dapat bersabar mengenainya. (82)

Nabi Musa berguru beberapa ketika dengan lelaki soleh tersebut sebelum meneruskan dakwah baginda ke atas kaum Bani Israel. Lelaki itulah diyakini para ulama tafsir seperti Ibnu Kathir dan Al-Tabari sebagai Nabi Khidir²⁶². Dalam bahasa Arab Khidir bermaksud hijau. Sebagaimana hadith Tirmizi

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّمَا سُمِّيَ الْخَضِرَ لِأَنَّهُ جَلَسَ عَلَى فَرْوَةٍ بَيْضَاءَ فَأَهْتَرَتْ حَتَّى حَضِرَاءُ²⁶³.

Maksudnya: Rasulullah bersabda, sebab dinamakan Khidir adalah kerana ia duduk di atas tanah tandus putih lalu ada tanaman (khadra') bergerak-gerak di bawahnya. Nama Khidir diambil dari khadra' tersebut.

Nabi Musa sebagai pesuruh Allah yang memiliki ketinggian ilmu sehingga baginda dapat menghadapi kezaliman dan keangkuhan Firaun, Haman dan Qarun. Malah Baginda juga berhadapan perbagai kerenah Bani Israel sehingga dikurniakan Mukjizat yang hebat seperti boleh membelah lautan, tongkat menjadi ular dan diturunkan makanan dari langit.

Kata-kata Nabi Musa (sebagaimana yang disebut dalam hadith tadi) telah dicelah oleh Allah bahawa ada lagi yang lebih alim darinya dan mengutuskan Nabi Khidir untuk menyedarkan baginda bahawa masih terdapat hamba-Nya yang lebih berilmu. Nabi Khidir adalah seorang yang soleh yang berperanan menyebarkan risalah Allah di sekitarnya, tetapi Nabi Khidir tidak diutuskan seperti nabi-nabi lain yang bertaraf Rasul. Baginda tidak dikurniakan mukjizat seperti Nabi Musa sebaliknya diajarkan ilmu secara *ladunni*. Hal seperti ini kadang-kadang turut dimiliki oleh sebahagian para wali Allah dan alim ulamak yang dianugerahkan Allah ilmu makrifat serta kasyaf. Golongan ini selalunya berhati-hati daripada mendabik dada dengan ilmu yang mereka miliki. Sifat warak dan merendah diri yang ada pada baginda inilah yang diamalkan oleh wali Allah sehingga orang ramai menyebut-nyebut namanya sampai kehari ini. Juga Nabi Khidir ditugaskan membimbing Nabi Musa yang hidup dizamannya, sebagaimana kita sekarang wajib menyampaikan dakwah kepada orang lain disekeliling kita.

Kelebihan Surah Al-Kahfi

²⁶² Al-Tirmidhi (1408H), *Sunan al-Tirmidhi*, maktabah al-tarbiyyah al-arabiyyah, hadith no 2910. hadith hasan sahih.

²⁶³ Sabda Rasulullah saw "Allah ﷻ tidak mendengar (dengan penuh perhatian) terhadap sesuatu perkara seperti mana Allah ﷻ menumpukan perhatian kepada seorang nabi yang memperelokkan tarannum (tarannum) Al-Qurannya". Lihat al-Mundhiri, Abd al-'Azim Bin Abd al-Qawi (1933h), *al-Tarhib Wa al-Tarhib Min Hadith al-Syarif*, Misr : Mustafa al-Babi al-Hlmabi, Jld. 2 Hlm 309. Lihat juga al-Dimaysqi, Ibn Himmat Syamsuddin Abi Abdullah Muhammad Bin Hasan, *al-Tankit Wa al-Ifadah Fi Takhrij Ahadith Khatimah Safar al-Sa'adah*, Dimaysq : Dar al-Ma'mun, hlm 189. kedua-duanya dengan sanad yang *sahih* Sabda Baginda saw seterusnya, "Abdullah bin Mughaffal al-Muzani berkata bahawa Rasulullah y membaca surah al-fath pada tahun pembukaan kota makkah. Pada ketika itu Baginda y sedang menuju ke Makkah di atas kenderaan Baginda y. Baginda y membacanya dalam keadaan mentarannumkannya" lihat : Muslim bin Hajjaj al-Qusyayri al-Naysaburi, (1995M), *Sahih Muslim*, Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Jld 2 hlm 193.

Terdapat beberapa hadith yang menjelaskan kelebihan daripada surah al-Kahfi ini diantaranya terdapat hadith yang menjelaskan kelebihan sahaja, setengahnya pula menyebutkan galakan membacanya pada malam jumaat, sebahagian yang lain pula menyatakan ganjaran yang begitu besar kepada sesiapa yang rajin membacanya.

Umpamanya diriwayatkan oleh Al-Barra' Bin A'zib bermaksud *"Dilaporkan mengenai seorang sahabat nabi namanya Usaid Bin Hudhair membaca daripada surah Al-Kahfi dengan sangat merdu dan bagus tajwidnya tiba-tiba ternampak akan kudanya terlonjak-lonjak kakinya seakan melompat-lompat kerana takut sesuatu yang tidak ternampak oleh sesiapa turun daripada langit. Bila dilihat oleh Usaid kejadian yang berlaku kepada kudanya beliau terus mendapatkannya untuk mengetahui sebab demikian tiba-tiba beliau ternampak kabut di awan (turun), lalu kudanya berhenti daripada keadaan tersebut. Lalu datang kepada Rasulullah SAW menceritakan peristiwa tersebut kepada baginda dengan katanya "wahai Rasulullah adalah aku malam tadi membaca Al-Quran surah Al-Kahfi sedang kuda aku ditambat semasa aku membaca Quran tiba-tiba kuda aku melonjak-lonjak dengan kakinya melompat ke sana ke kemari. Rasulullah berkata: Itulah penatap hati (ketenangan) turun bersama Quran atau telah diturunkan atas Quran."*²⁶⁴

Sabda Rasulullah SAW lagi bermaksud: *"Barangsiapa membaca surah al-Kahf pada hari Jumaat nescaya cahaya meneranginya selama di antara 2 Jumaat"*.²⁶⁵

Antara Pengajaran Penting Dalam Kisah Ini.

Kisah nabi Musa dalam surah al-Kahfi boleh diambil beberapa pengajaran penting bagi memantapkan kriteria yang diperlukan kepada setiap individu dalam menghadapi cabaran demi mengecapi kejayaan dalam segala bidang yang diceburi, ia adalah ciri modal insan yang boleh memacu ke arah kecemerlangan.

1- Keluar Daripada Tempat Tinggal Untuk Mencari Ilmu Dan Pengalaman.

Tema dan objektif utama dalam kisah ini ialah soal ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan memainkan peranan penting bagi memartabatkan kecemerlangan ummah, sesuatu ketamaddunan itu akan dinilai berasaskan sejauhmana penguasaan ilmu pengetahuan oleh sesuatu bangsa itu. Oleh itu modal insan yang paling bernilai sekali ialah penguasaan ilmu pengetahuan.

Bagaimana untuk menguasai ilmu, langkah yang diajarkan oleh Allah kepada nabi Musa melalui kisah ini ialah keluar dengan meninggalkan tempat asal demi mencari ilmu dan mengecapi pengalaman hidup dengan meninjau potensi yang baik diluar ruang kebiasaan kehidupan, faktor memenuhi tuntutan mencari ilmu merupakan faktor penting untuk melonjakkan taraf kecemerlangan modal insan ke tahap yang lebih tinggi. Keluar tujuan menuntut ilmu dianggap satu pengorbanan dan jihad sebagaimana hadith Tirmizi yang bermaksud *"Sesiapa yang keluar untuk menuntut ilmu maka ia dianggap berjuang pada jalan Allah sehingga ia pulang"*²⁶⁶

²⁶⁴ Munawiy, Abd al-Ra'uf bin Taj al-'Arifin, al, (1356h), *Fayd al-Qadir syarh al-Jami' al-Saghir*, Misr : Maktabah al-Tijariyah al-Kubra, Jld 4 hlm 53. Hadith ini mursal. Sila lihat 'Abduh, Muhammad (1980m), *al-Fatawa al-Islamiyyah Min Dar al-Ifta' al-Misriyyah*, Qahirah: Jumhuriyyah al-Misr al-'Arabiyyah, Wizarah al-Awqaf, Jld 10 hlm 368.

²⁶⁵ Munawiy, Abd al-Ra'uf bin Taj al-'Arifin, al, (1356h), *Fayd al-Qadir syarh al-Jami' al-Saghir*, Misr : Maktabah al-Tijariyah al-Kubra Jld 4 hlm 53.

²⁶⁶ al-Sa'id Labib (1970m), *al-Taghanniy bi al-Quran*, al-Hay'ah al-'Ammah li al-Tawzi ' wa al-Nasyr, hlm 5.

Melalui kisah Nabi Musa dalam surah al-Kahfi jelas kepada kita peristiwa Nabi Musa bersama temannya diperintahkan oleh Allah agar keluar untuk menimba ilmu dan pengalaman di suatu tempat bernama "*majmak al-bahrain*" iaitu tempat pertembungan dua laut. Tujuan ke tempat itu ialah untuk menimba ilmu dan pengalaman yang berguna daripada seorang lelaki yang salih (nabi Khidhir) yang dianugerahkan oleh Allah ilmu pengetahuan dan pengalaman yang tinggi. Walaupun nabi Musa ketika itu dianggap telah mencapai tahap keilmuan yang tinggi melalui pengakuannya ketika ditanya siapakah yang paling alim, dengan beliau menjawab akulah paling alim. Sebenarnya ilmu pengetahuan ini amat luas sekali dan tidak terbatas, oleh kerana itu seseorang tidak boleh mendabik dada dan sombong dengan ilmu yang dimiliki, seseorang itu hendaklah merasakan ilmu yang dimilikinya belum mencukupi dan sentiasa ingin menambah dan mencarinya, kerana ilmu boleh memandu kejayaan di dunia dan diakhirat.

Dalam erti kata lain seseorang yang ingin mengecapi kemajuan dalam apa jua bidang yang diceburinya perlu berusaha, bergerak dan berikhtiar. Berusaha dan berikhtiar dengan merebut segala kesempatan serta mencari-cari peluang dan maklumat-maklumat yang boleh membantu dan mendorongnya ke arah kejayaan dan kecemerlangan, faktor penting yang mendorong kejayaan dan kemajuan tidak lain dan tidak bukan ialah faktor ilmu pengetahuan, bukan sahaja dalam soal-soal akhirat atau ibadat tetapi juga soal-soal bagaimana memajukan bidang keduniaan. Jesteru itu langkah yang betul ialah keluar daripada kepompong persekitaran menuntut ilmu pengetahuan melalui mereka yang mempunyai ilmu dan pengalaman yang luas dalam bidang yang tertentu, samada dalam bidang berkaitan keduniaan dan bidang keagamaan, kerana islam adalah agama yang syumul merangkumi setiap persoalan hidup seharian.

Pembahagian Ilmu

Ibn Khaldun telah membahagikan ilmu kepada ilmu naqliyah dan ilmu a'qliyah. Ilmu naqliyah terdiri daripada ilmu syariat dengan merangkumi akidah, ibadat dan akhlak. Ilmu a'qliyah pula adalah merangkumi ilmu yang dihasilkan oleh akal melalui sumber-sumber yang tertentu, ilmu ini kadang-kadang dihasilkan melalui ujikaji makmal dan penelitian terhadap alam semesta. Ilmu a'qliyah boleh diterokai oleh manusia dengan menggunakan keaktifan akal dan kecerdikan memerhati alam yang ada disekeliling.²⁶⁷

Menurut Imam al-Ghazali ilmu naqliyah diistilahkan sebagai ilmu fardhu a'in manakala ilmu a'qliyah pula diistilahkan sebagai ilmu fardhu kifayah²⁶⁸. Secara ringkasnya ilmu fardhu a'in ialah ilmu yang wajib ditangani oleh setiap seorang secara individu yang terlibat sama ada lelaki atau perempuan iaitu seperti ilmu berkenaan akidah rukun iman, berkait dengan ibadah, akhlak dan halal haram.

²⁶⁷ Masjid Al-Hussain adalah sebuah masjid yang dibina pada tahun 1154M. Masjid ini terletak di Kaherah, Mesir, berhampiran dengan bazar Khan El-Khalili. Ia dianggap sebagai salah satu tempat Islam yang paling dihormati di Mesir. lihat https://en.wikipedia.org/wiki/Al-Hussein_Mosque

Masjid ini dibina di atas pemakaman khalifah Fatimiyyah, walaupun ini tidak dipastikan berdasar arkeologi tapak tersebut. Ia dinamakan sempena nama cucu Muhammad Nabi SAW, Hussain ibn Ali. Shia percaya bahawa kepala Husayn dikebumikan dibawah masjid tersebut. Kompleks ini termasuk sebuah makam, yang bermula dari pembinaan asal masjid pada tahun 1154. Lihat : Williams, Caroline. 2002. Islamic Monuments in Cairo: The Practical Guide. Cairo: American University in Cairo Press, 193-194

Bangunan itu dibina semula pada abad ke-19 dengan seni bina dipengaruhi oleh seni bina Revolusi Gothik. Hari ini, masjid menempatkan beberapa barang yang bersejarah dan serta terdapat manuskrip lengkap al-Quran yang tertua. Lihat <https://www.islamic-awareness.org/quran/text/mss/hussein>

²⁶⁸ Seorang qari mengikut gaya dan alunan tarannum gurunya atau pun mengikut jalan qari terdahulu.

Manakala ilmu fardhu kifayah pula ialah ilmu yang mesti ditangani secara kolektif atau individu yang mencakupi masyarakat umum seperti ilmu yang berkaitan dengan keperluan kehidupan manusia di dunia ini contohnya ilmu perubatan, ilmu ekonomi, ilmu pendidikan, ilmu kejuruteraan, ilmu ketenteraan dan sebagainya.

Berdasarkan apa yang dijelaskan di atas menunjukkan penjanaan ilmu oleh sesuatu jenerasi atau bangsa merupakan teras kepada ketamaddunan sesebuah bangsa itu sendiri. Ia dianggap sunnatu Allah dimana bangsa yang bertamadun adalah hasil daripada penguasaan ilmu yang dimiliki oleh bangsa tersebut. Agama Islam pada awal penurunannya lagi telah meletakkan asas tentang betapa pentingnya ilmu dan menerapkannya kesetiap individu muslim yang dapat menghasilkan modal insan yang sempurna.

2- Keazaman Yang Tinggi Dalam Menuntut Ilmu

Pengajaran seterusnya melalui peristiwa nabi Musa ini ialah menanam sifat keazaman dan kemahuan yang tinggi. Jika seseorang individu ingin mengecapi kejayaan dengan cemerlang dalam apa jua bidang yang diceburi sifat yang mesti dimilikinya ialah keazaman dan kemahuan yang tinggi, sifat ini harus wujud untuk menjadi seorang insan yang cemerlang. Faktor ini digambarkan menerusi kisah Nabi Musa dalam surah al-Kahfi beliau menyatakan kepada lelaki bernama Yusyak Bin Nun seperti firman Allah yang bermaksud:

Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Nabi Musa berkata kepada temannya: Aku tidak akan berhenti berjalan sehingga aku sampai di tempat pertemuan dua laut itu atau aku berjalan terus bertahun-tahun. (Al-Kahfi 18. 60)

Jika direnung dan fahami ayat ini didapati maknanya begitu mendalam dimana nabi Musa menetapkan tekad dengan keazaman yang kuat keluar menuju ke suatu tempat yang diyakininya di situ ada peluang menimba ilmu pengetahuan, tetapi belum dipastikan di mana sebenarnya, belum pasti sejauh mana perjalanan yang akan ditempuhinya dan masa yang bertahun-tahun dilaluinya, sejauh mana dapat menanggung kesulitan perjalanan belum dipastikan. Kesemua perkara yang tidak dapat dijangkakan itu tidak menjadi alasan nabi Musa untuk memadamkan niatnya yang suci dan tujuan yang murni itu. Ini kerana keazaman yang tinggi di dada mendorongnya untuk pergi ke pertemuan dua laut walaupun memakan masa bertahun-tahun, ada pendapat menyatakan selama lapan puluh tahun.

Kemahuan dan keazaman yang kuat amat penting bagi mendapatkan hasil yang berkesan pada sesuatu perkara secara semula jadi. Kemahuan yang kuat dan tinggi dapat dihasilkan melalui pemikiran dan keyakinan yang positif dalam melihat sesuatu perkara, biarpun kesukaran yang dihadapi sangat tinggi.

Sifat ini sangat penting kepada setiap individu bagi mencapai sesuatu matlamat, disamping berani dalam menghadapi apa jua cabaran. Untuk bangkit, sedar dan berubah modalnya ialah kemahuan dan keazaman yang tinggi. Individu yang tidak memiliki harapan dan keazaman tidak akan melakukan sesuatu perubahan untuk dirinya apatah lagi untuk orang lain. Setiap individu seharusnya menjadi kuat dan azam yang tinggi demi menuju kecemerlangan sebagaimana hadith Rasulullah SAW daripada Abi Hurairah.

المؤمن القوي خير وأحب إلى الله من المؤمن الضعيف. وفي كلٍّ خيرٌ، احرص على ما ينفعك واستعن بالله. ولا تعجز. وإن أصابك شيء فلا تقل "لو أتي فعلت كذا وكذا". ولكن قل: قدر الله. وما شاء فعل. فإن لو تفتح عمل الشيطان²⁶⁹

Maksudnya: Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih disukai oleh Allah dari mukmin yang lemah. Kedua-duanya baik. Bersungguhlah melakukan perkara yang bermanfaat kepadamu. Minta tolonglah kepada Allah dan jangan lemah. Apabila kamu ditimpa sesuatu kesusahan, jangan berkata: "Seandainya aku berbuat begini dan begitu" tapi berkatalah: "Allah sudah mentakdirkan (menentukan) sesuatu yang dikehendakinya". Sesungguhnya perkataan "Kalau/seandainya akan membuka pintu bagi gangguan syaitan".

3- Berlandaskan Sifat 'Ubudiah

Disamping mempunyai ilmu yang tinggi dan kemahuan yang kuat sifat 'ubudiah harus diterapkan ke dalam jiwa individu itu bagi melahirkan modal insan cemerlang Berjaya di dunia dan akhirat. Dalam kisah nabi Musa ini jelas kepada kita tentang seorang lelaki yang saleh, tinggi sifat 'ubudiahnya, lelaki yang saleh itu ialah nabi Khidhir. Sebagaimana dalam ayat 65 surah al-Kahfi seperti berikut:

فَوَجَدَا عَبْدًا مِّنْ عِبَادِنَا آتَيْنَاهُ رَحْمَةً مِّنْ عِنْدِنَا وَعَلَّمْنَاهُ مِן لَّدُنَّا عِلْمًا

Maksudnya: Lalu mereka dapati seorang dari hamba-hamba Kami yang telah kami kurniakan kepadanya rahmat dari Kami dan Kami telah mengajarnya sejenis ilmu; dari sisi Kami.

'Ubudiah berbentuk khusus bagi seorang mukmin ialah kepercayaan yang kuat kepada Allah, tidak mensyirikkan Allah, tidak melakukan perkara tegahan dan tidak meninggalkan perkara suruhan, tidak pula terkeluar daripada syariat Allah. 'Ubudiah ini pula mempunyai pelbagai peringkat dan tahapannya, di antara tahap-tahap 'ubudiah ialah:

- Sifat ubudiah yang paling tinggi adalah dimiliki oleh para rasul dan nabi, sahabat nabi, sementara mereka yang paling tinggi di kalangan nabi ialah Nabi Muhammad SAW. Ini dijelaskan sendiri seperti dalam surah jin ayat 19 yang bermaksud:
Dan bahawa sesungguhnya, ketika hamba Allah (Nabi Muhammad) berdiri mengerjakan ibadat kepadaNya, mereka hampir-hampir menindih satu sama lain mengerumuninya.
- Semulia 'ubudiah ialah pengharapan sepenuhnya (iftiqar) kepada Allah dan tidak mengharap sesuatu daripada makhlukNya. Harapan sentiasa kepada Allah, serta takut kepadaNya.

'Ubudiah bentuk yang kedua ialah 'ubudiah umum, iaitu pada hakikatnya semua makhluk yang wujud ini tidak terkeluar daripada 'ubudiah ini. Semua makhluk yang wujud ini di bawah penguasaan dan ketetapan Allah, makhluk selain Allah tidak memiliki kuasa dan kudrat untuk

²⁶⁹Wafat 1969. Mahmud sa'dani, *Alhan al-sama'*, maktabah kutub al-adab, hal 115-116

memberi mamfaat dan ugutan kecuali dengan izin Allah yang mengaturnkannya. Seperti dalam surah Maryam ayat 93 bermaksud:

Tidak ada sesiapaupun di langit dan di bumi melainkan dia akan datang kepada (Allah) Ar-Rahman, sebagai hamba.

Manusia boleh memilih dalam ubudiah khusus, mereka boleh keluar daripada ubudiah khusus, tetapi tidak boleh memilih dalam ubudiah umum, mereka tiada kuasa keluar daripada ubudiah umum.

Bagi individu yang ingin menjadi insan yang cemerlang samada di dunia dan di akhirat perkara paling penting yang harus ditekankan ialah menggilap sifat ubudiah di dalam dirinya. Tiada lagi perkara yang paling tinggi dan mulia mengatasi erti ubudiah kepada Allah tuhan sekalian alam. Lelaki alim yang ingin ditemui oleh nabi Musa sangat tinggi dan mulianya di sisi Allah kerana sifat ubudiah yang tinggi dimilikinya, Allah menganugerahkan kepadanya ilmu *ladunni*, ilmu yang tiada terlindung tetapi terbuka terus daripada Allah yang dikhususkan oleh kepada hambaNya yang terpilih.

4- Keperluan Sifat Tawdhu'

Sifat tawadhu' dan merendah diri serta menjauhi kesombongan merupakan sifat yang menonjol melalui kisah nabi Musa dengan nabi Khidhir ini. Sifat tawadhu' jelas dimiliki oleh nabi Musa, seperti baginda meminta izin terlebih dahulu kepadanya agar beliau dapat mempelajari ilmu yang dimilikinya. Firman Allah dalam ayat 66 surah al-Kahfi bermaksud:-

Nabi Musa berkata kepadanya: Bolehkah aku mengikutmu, dengan syarat engkau mengajarku dari apa yang telah diajarkan oleh Allah kepadamu, ilmu yang menjadi petunjuk bagiku?

Sifat tawadhu' yang ditunjukkan oleh nabi Musa merupa suatu akhlak, adab tatacara yang baik ketika bersama dengan guru atau ahli ilmu. Sifat ini harus dimiliki oleh penuntut ilmu di sekolah, di IPT dan sebagainya. Jika sesuatu bangsa tidak diajar dengan sifat seperti ini nescaya bangsa itu akan rosak, jika mereka sudah tidak menghormati lagi guru akibat seterusnya mereka akan benci untuk menimba ilmu pengetahuan lebih parah lagi mereka akan terjerumus ke lembah kejahilan. Gejala ini jika sudah merebak dalam masyarakat sudah tentu modal insan yang diharapkan tidak akan kesampaian.

5- Kesabaran Yang Tinggi

Seterusnya sifat yang perlu wujud bagi sesaorang individu ialah sabar. Melalui kisah nabi Musa yang dipaparkan ini di antara perkara yang jelas lagi penting ialah sifat sabar. Sifat ini penting demi melahirkan modal insan yang cemerlang. Menerusi kisah ini nabi Khidhir menekankan betapa pentingnya sifat sabar dalam menuntut ilmu pengetahuan, dengan penekanan yang berulang kali kepada nabi Musa, sementara nabi Musa berjanji akan sanggup bersabar bersamanya, kisah itu bermula dengan ayat 67 hingga ayat 78, nabi Khidir bersama nabi Musa bersama berjalan, sebelum memulakan perjalanan nabi Khidhir meminta nabi Musa berjanji agar sanggup bersabar dalam menempuh liku-liku perjalanan yang memelikkan akan mereka tempuhi nanti. Ini menunjukkan betapa pentingnya peranan sabar dalam memperjuangkan apa yang diidamkan dalam semua bidang kehidupan lebih-lebih lagi dalam menuntut ilmu pengetahuan. Untuk memenuhi sifat sabar adalah sukar, tetapi individu itu harus berusaha dan jangan putusasa serta jemu. Kerana hasil daripada kesabaran itu nanti akan terserlah kejayaan yang diharapkan. Sifat sabar merupakan ciri-

ciri bagi seseorang yang bergelar mukmin, tidak lengkap digelar mukmin sekiranya sabar tidak menyelinap dalam kalbunya ini dapat dilihat sebagaimana firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ
(آل عمران 200)

Bermaksud: *Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebakakan) dan kuatkanlah kesabaran kamu (lebih daripada kesabaran musuh, di medan perjuangan) dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan).*

Sebenarnya banyak lagi ayat-ayat Quran yang menjelaskan betapa penting sifat sabar ini dalam kehidupan, contohnya dalam surah al-Baqarah ayat 153.

إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

Maksudnya:- *Sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar.*

PENUTUP

Kisah nabi Musa dalam surah al-Kahfi ini begitu menarik dan banyak memberi pengajaran dalam memperkasakan modal insan terutamanya kepada penuntut ilmu. Walau pun dalam kisah ini dipercayai mempunyai banyak pengajaran yang boleh dicungkil, namun pengajaran yang paling terserlah yang dapat dicungkil ialah sebagaimana yang dinyatakan di atas iaitu membentuk peribadi agar memiliki sifat-sifat yang perlu ada kepada penuntut ilmu, dapat memandunya ke arah insan cemerlang. Sifat-sifat itu ialah keilmuan, keazaman, tawadhu', sabar dan ubudiah.

Setiap muslim umumnya diharapkan dapat menanamkan sifat-sifat Nabi Khidir dalam diri, baginda seorang yang berpengetahuan tinggi lagi hamba Allah yang soleh. Ini kerana bukan sahaja nabi Musa perlu mencari nabi Khidir untuk menuntut ilmu malah sesiapa sahaja perlu mencari guru untuk menuntut ilmu. Orang yang mempunyai sifat seperti yang dimiliki oleh nabi Khidir memang sukar ditemui, namun kita boleh berjumpa orang alim yang bertutur penuh hikmah dan kejernihan buah fikirannya, mereka boleh dijadikan pedoman hidup. Muslim yang berjaya akan mengambil semangat Nabi Khidir dalam menyebarkan ilmu tanpa sifat angkuh dan sombong dan semangat nabi Musa yang sabar, tawadhu' dan merendah diri dalam menuntut ilmu. Dengan kesabaran yang tinggi dan keazamannya, sudah pasti akan menjamin kejayaan yang cemerlang.

RUJUKAN.

Al-Quran Al-Karim

al-Albani Muḥammad Nāṣir al-Dīn. 1985. *Silsilat al-aḥādīth al-ḍaʿīfah wa al-mawḍūʿah wa atharuhā al-sayyi' fī al-ummah*. Ed. ke-5. Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī.

- al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn. 1988a. *Ḍaʿīf sunan Ibn Mājah*. Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī.
- al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn. 1988b. *Ṣaḥīḥ Sunan Ibn Mājah*. Ed. ke-3. Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī.
- al-Aṣbahānī, Abū al-Qāsim Ismāʿīl b. Muḥammad b. al-Faḍl al-Jawzī. 1993. *al-Targīb wa al-tarhīb*. Taḥ. Amīn b. Ṣāliḥ b. Shaʿbān. al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.
- al-Baghawī, Muḥyi al-Sunnah Abū Muḥammad al-Ḥusayn b. Masʿūd. 1983. *Sharḥ al-sunnah*. Taḥ. Shuʿayb al-Arnaʿūṭ. Ed. ke-2. Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī.
- al-Bayhaqī, Abū Bakar Aḥmad b. al-Ḥusayn b. ʿAlī al-Nīsābūrī. 1985. *Dalāʾil al-nubuwwah wa maʿrifat aḥwāl ṣāḥib al-sharīʿah*. Taḥ. Dr. ʿAbd al-Muʿṭī Qalʿajī. Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Bayhaqī, Abū Bakar Aḥmad b. al-Ḥusayn b. ʿAlī al-Nīsābūrī. t.th. *al-Sunan al-kubrā*. t.tp: Dār al-Fikr.
- al-Bukhārī, Abū ʿAbd Allāh Muḥammad b. Ismāʿīl. t.th. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dalam Ibn Hajar. *Fath al-Bār i fī sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Taḥ. Muḥammad Fuʾād ʿAbd al-Bāqī. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- al-Dāraquṭnī, Abū al-Ḥasan ʿAlī b. ʿUmar. t.th. *Sunan al-Dāraquṭnī*. Taḥ. al-Sayyid ʿAbd Allāh Ḥāshim al-Madanī. al-Qāhirah: Dār al-Muhāsib.
- al-Dārimī, Abū Muḥammad ʿAbd Allāh b. ʿAbd al-Raḥmān b. al-Faḍl. t.th. *Sunan al-Dārimī*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Dhahabī, Muḥammad b. Aḥmad b. ʿUthmān. 1986. *Kitāb al-Kabāʾir*. Taḥ. Dr. al-Sayyid al-Jumaylī. Bayrūt: Dār Ibn Zaydūn.
- al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad b. Muḥammad. 1967. *Iḥyāʾ ʿulūm al-dīn*. al-Qāhirah: Muʿassasah al-Ḥalabī wa Shurakāh li al-Nashr wa al-Tawzīʿ.
- al-Ḥākim, Abū ʿAbd Allāh Muḥammad b. ʿAbd Allāh b. Muḥammad al-Nīsābūrī. 1978. *al-Mustadrak ʿalā al-ṣaḥīḥayn fī al-Ḥadīth*. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Ibn Abī al-Dunyā, Abū Bakar ʿAbd Allāh b. Muḥammad b. ʿUbayd. 1989. *al-Tawāḍuʿ wa al-khumūl*. Taḥ. Muḥammad ʿAbd al-Qādir ʿAṭā. Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

- Ibn Kathīr, Imād al-Dīn Abū al-Fidā' Ismā'īl b. Kathīr al-Dimashqī. 1969. *Tafsīr al-Qur'ān al-ʿAẓīm*. Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-ʿArabī.
- Ibn Mājah, Abū ʿAbd Allāh ʿUmar b. Yazīd al-Qazwīnī. t.th. *Sunan Ibn Mājah*. Taḥ. Muḥammad Fu'ād ʿAbd al-Bāqī. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Ibn Rajab, Abū al-Faraj ʿAbd al-Raḥmān b. Aḥmad b. al-Ḥusayn al-Ḥanbalī. t.th. *Jāmiʿ al-ʿulūm wa al-ḥikam fī sharḥ khamsīn Ḥadīth min jawāmiʿ al-kalim*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yaḥyā b. Sharaf al-Dimashqī. t.th. *al-Arbaʿīn al-Nawawiyyah fī al-Aḥādīth al-Nabawiyyah*. Miṣr: Matbʿah ʿIsā al-Bābī al- Ḥalabī.
- al-Qurṭubī, Shams al-Dīn Abū ʿAbd Allāh b. Muḥammad b. Aḥmad. t.th. *al-Jāmiʿ liaḥkām al-Qur'ān @ Tafsīr al-Qurṭubī*. Bayrūt: Mu'assasah Mināhil al-Irfān.
- al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn Abū al-Faḍl ʿAbd al-Raḥmān b. Abū Bakar. 1990a. *al-Durr al-manthūr fī al-tafsīr bi al-ma'thūr*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Ṭabarī, Abū Jaʿfar Muḥammad b. Jarīr. 1984. *Jāmiʿ al-bayān ʿan ta'wīl āy al-Qur'ān*. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Siti Fatimah Mohd Yasin, Anuar Ahmad (pnyt.). 1996. *Prosiding Pendidikan Negara Abad Ke-21..* Pusat Teknnologi Pendidikan UKM Bangi, Malaysia
- .
- Sufean Hussin. 1996. *Pendidikan Di Malaysia Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Dewan Bahasa dan Pustaka. K.L
- Rosli Husin. 2000. *Al-Quran Sumber Pendidikan*. Al-HidayahPublishers.
- Marzuki, Habib Mat Som. 1999. *Isu Pendidikan Di Malaysia Sorotan Dan Cabaran*. Utusan Publications.K.L
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1997. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Dewan Bahasa dan Pustaka. K.L
- Sulaiman Nordin. 2000. *Tamadun Islam Dan Kenegaraan Malaysia B. PJJ*. UKM Bangi, Malaysia.